

# Kukuh hubungan penuntut universiti, komuniti

**BINTULU:** Lebih 40 peserta dari pelbagai latar belakang mengikuti Program Putra Bakti: Kejohanan Ping Pong Terbuka Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) anjuran pelajar kursus Ping Pong UPMKB baru-baru ini dengan kerjasama Persatuan Ping Pong Bahagian Bintulu.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program itu bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara penuntut universiti dan komuniti setempat melalui sukan serta melatih pelajar UPMKB untuk menguruskan sesuatu program.

"Selain itu, acara ini juga berperanan sebagai platform untuk mempromosikan gaya hidup

sihat dan aktif dalam kalangan peserta," katanya.

Tambah kenyataan itu, kejohanan tersebut berjaya mengumpulkan lebih daripada 40 peserta daripada pelbagai lapisan umur dan masyarakat, termasuk peserta dari luar Bintulu seperti Sibu dan Miri.

"Acara yang penuh semangat ini turut disertai oleh atlet-atlet SUKMA Sarawak, menjadikan persaingan lebih kompetitif dan menghiburkan," jelasnya.

Menariknya, pertandingan kali ini turut mendapat perhatian daripada seorang jurulatih profesional dari China, yang hadir untuk memberikan tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman berharga dengan para peserta.

"Salah satu sorotan utama pertandingan ini adalah kehadiran peserta dari pelbagai peringkat usia, termasuk seorang pemain veteran berusia 76 tahun dan seorang pemain muda berusia tujuh tahun.

"Kedua-dua mereka membuktikan bahawa sukan ping pong mampu merentasi batasan usia dan memupuk semangat sukan dalam kalangan semua lapisan masyarakat," ujar kenyataan itu.

Majlis penutupan kejohanan itu disempurnakan oleh Pegawai Psikologi Kanan UPMKB, Hairunisah Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan aktiviti sukan sebagai medium untuk memupuk semangat

perpaduan dan kesefahaman antara pelbagai golongan.

"Kami amat berbangga dapat menganjurkan acara ini yang bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan masyarakat, tetapi juga memupuk nilai-nilai murni seperti kerjasama, disiplin, dan semangat kesukanan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Program Putra Bakti, Wan Norazizi Putra mezahirkan rasa gembira dan terkejut melihat penyertaan program tersebut yang amat memberangsangkan sehingga melibatkan jurulatih ping pong antarabangsa, pemain SUKMA Sarawak serta daripada golongan veteran.

"Saya yakin dan percaya bahawa program sinergi ini adalah salah satu usaha untuk mengekalkan legasi atlet ping pong di Sarawak.

"Buktinya, johan program ini adalah peserta cilik yang hanya berusia 13 tahun," ujarnya.

Juara bagi kejohanan itu jatuh kepada Gabriel Yong En Hong iaitu peserta cilik berusia 13 tahun yang menerima hadiah wang tunai sebanyak RM 250.

Naib johan pula dimenangi oleh James Sim Chia Tai yang menerima wang tunai sebanyak RM200 manakala tempat ketiga ialah Raphael Yong En Xuan yang membawa pulang mendapat RM150.